



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 6/2023 (Bulan Jun Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	ب
2 Jun 2023M/ 13 Zulkaedah 1444H	Santuni Tetangga: Membawa Ke Syurga	1.
9 Jun 2023M/ 20 Zulkaedah 1444H	Sempena MTHQK 2023 Al-Quran Sahabat Sejati Teman Sehidup Semati	2.
16 Jun 2023M/ 27 Zulkaedah 1444H	Sempena MTHQK 2023 Kenali dan Kenalkan Al-Quran: Manual Kehidupan	3.
23 Jun 2023M/ 4 Zulhijjah 1444H	Berkorban Demi Cinta	4.
30 Jun 2023M/ 11 Zulhijjah 1444H	Hikmah Di Sebalik Ibadah Haji	5.
Khutbah Kedua		

دبیایاء:



زكاة فولو فینغ

دتریبتکن:



جابتن حال احوال اکام اسلام فولو فینغ

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Khutbah Sempena Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan 2023

Kenali dan Kenalkan Al-Quran: Manual Kehidupan

16 Jun 2023M/ 27 Zulkaedah 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ لَنَا نُورًا، وَجَعَلَهُ لِحَيَاتِنَا سِرَاجًا مُنِيرًا،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ جَعَلَ الْقُرْآنَ لَنَا دُسْتُورًا،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَبَانَ فِي الْقُرْآنِ لَنَا أُجُورًا،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَأَتَّبِعِهِ الْقَائِمِينَ بِالْقُرْآنِ
دُهُورًا.
وَبَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ، فَمَنْ قَامَ بِالْقُرْآنِ كَانَ عَمَلُهُ مَبْرُورًا.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan terutamanya kepada diri sendiri dan sidang jemaah sekalian, bersama-samalah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga ketakwaan itu akan membentuk kita menjadi insan soleh dan mulia dalam kehidupan dunia, sebagai persinggahan menuju destinasi di akhirat.

Selain itu, elakkan dari bermain gajet, melayan media sosial seperti *Whatsapp, Facebook, Instagram* dan lain-lain, tidur dengan sengaja dan menggerakkan tabung masjid ketika mendengar khutbah. Semua ini boleh mencacatkan pahala dan termasuk dalam perbuatan sia-sia.



Bersempena Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan secara langsung dari Pusat Konvensyen PICCA @ Butterworth Arena Pulau Pinang kali ini, marilah kita bersama-sama memberi perhatian kepada khutbah Jumaat minggu ini yang akan mengangkat tajuk: “**Kenali Dan Kenalkan Al-Quran: Manual Kehidupan.**”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Al-Quran merupakan mukjizat, kitab suci dan kalam Allah yang diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ melalui perantaraan malaikat Jibril عَلَيْهِ السَّلَامُ secara berperingkat-peringkat selama lebih kurang 23 tahun.

Kandungannya penuh dengan panduan dan pengajaran meliputi segala aspek kehidupan sama ada bersifat duniawi atau ukhrawi. Firman Allah dalam surah Al-Israk ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang paling lurus dan memberi khabar gembira kepada orang mukmin yang melakukan amal soleh, bahawa mereka akan mendapat pahala yang besar.*”

Dalam Surah Ibrahim ayat 1 pula Allah berfirman:



الرَّ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ
الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ①

Maksudnya: “Alif, Lam, Ra. Ini ialah kitab (Al-Quran) Kami turunkannya kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada kegelapan kufur kepada cahaya iman (dengan izin Tuhan mereka) ke jalan Allah yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.”

Al-Quran diturunkan bukan sahaja untuk menjadi simbol pengiktirafan Allah kepada Nabi Muhammad ﷺ dan umatnya semata-mata, tetapi ia mempunyai maksud yang lebih penting iaitu setiap kandungannya membawa rahmat dan keberkatan untuk umat sejagat.

Justeru Rasulullah ﷺ menggesa umatnya agar membaca, memahami dan mengamalkan isi Al-Quran seluruhnya serta mendalami dan meneroka segala isi kandungannya. Mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai bacaan utama pada setiap masa akan diganjar pahala oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Setiap huruf yang dibaca akan dikira sebagai sepuluh pahala sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

“Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Al-Quran, maka baginya satu kebaikan. Satu kebaikan menyamai sepuluh gandaan. Tidaklah aku katakan alif-lam-mim (أَلِفٌ-لَامٌ-مِيمٌ) itu satu huruf, akan tetapi alif (أَلِفٌ)

satu huruf dan (أَلَمْ) satu huruf dan mim (مِيمٍ) satu huruf.”

﴿Hadis Riwayat At Tirmizi﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejarah merakamkan bahawa para sahabat Rasulullah seperti Uthman bin Affan, Zaid bin Thabit, Ibnu Mas'ud رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ dan lain-lain lagi, sentiasa membaca Al-Quran dan mengkhatamkannya pada setiap hari Jumaat. Begitu juga, amalan tradisi orang-orang terdahulu yang sangat menitik beratkan pendidikan Al-Quran kepada anak-anak. Anak-anak wajib menghadiri kelas mengaji selepas tamat waktu sekolah atau pada malam hari. Ini membuktikan mereka sangat mengambil berat tentang pendidikan Al-Quran. Namun, persoalan yang timbul pada hari ini ialah berapa ramaikah umat Islam yang membaca Al-Quran serta mengambil Al-Quran sebagai asas panduan hidup atau berfikir secara *Qurani* (قُرْءَانِي)?

Berfikir secara *Qurani* bermaksud berfikir bagaimana sumber-sumber Al-Quran boleh dijadikan pedoman dalam merenung tentang sesuatu kejadian dan kehidupan. Dengan berfikir menerusi jendela Al-Quran, seseorang itu memiliki jiwa tadabbur, iaitu jiwa mengkaji dan menyelidik. Ayat-ayat Allah sentiasa bersifat semasa dan sesuai dalam semua kehidupan. Kisah-kisah ribuan tahun lalu yang dirakamkan oleh Al-Quran, bukan hanya sekadar memberitahu apa yang pernah berlaku pada masa lalu, tetapi boleh dijadikan iktibar dan pedoman pada setiap masa. Umat Islam yang mencari panduan hidup untuk maju dan berubah tentu memerlukan rujukan tentang gelagat manusia pada masa lalu dan menjadi pedoman untuk kehidupan masa kini. Contohnya ketidakpatuhan

kepada arahan pemimpin yang diambil dari peristiwa Perang Uhud telah membawa kepada kekalahan dan kerugian.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Sebagai umat yang beriman, sewajarnya Al-Quran dijadikan asas pemikiran serta dijadikan panduan dan sumber rujukan utama dalam apa jua kegiatan hidup. Pada masa sama, umat Islam perlu menyebarkan mesej yang dibawa oleh Al-Quran kepada seluruh manusia, khususnya mereka yang berada dipersekitaran umat Islam sendiri.

Berkongsi segala fakta dan cerita-cerita yang ada di dalam Al-Quran kepada kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga, sahabat taulan malah sesiapa sahaja, sama ada dalam kalangan umat Islam sendiri mahupun mereka yang belum Islam. Berbanggalah dengan Al-Quran sebagai mukjizat agung Nabi Muhammad ﷺ dan buktikan kebanggaan itu dengan perkongsian yang konsisten kepada orang lain.

Kongsikan juga bukti-bukti dan fakta-fakta sains yang terkandung di dalam Al-Quran seperti proses kejadian manusia, kejadian bukit dan gunung sebagai pasak bumi, kejadian ombak di dasar lautan, dan bermacam-macam lagi. Kongsikan juga kebenaran fakta-fakta sejarah yang terkandung di dalam Al-Quran yang sangat sepadan dengan bukti-bukti dan tanda-tanda yang dikaji oleh pakar arkeologi. Tidak ketinggalan, kongsikan juga hakikat bahawa Al-Quran adalah satu-satunya kitab panduan agama yang benar, tidak pernah berubah atau dapat diubah dari dulu, kini dan selama-lamanya. Ia sentiasa dalam pemeliharaan Allah.



Dengan cara yang lebih mudah dan *straight forward*, kita boleh berkongsi tentang Al-Quran dengan cara mengedar risalah-risalah dan buku-buku tentang al-Quran atau memasang poster dan sepanduk yang memaparkan mesej-mesej yang terkandung di dalam Al-Quran. Selain itu, gunakan media-media sosial untuk memuat naik poster, gambar, grafik, audio dan video tentang Al-Quran. Lebih mudah lagi, hadiahkanlah atau kongsi kanlah naskhah-naskhah Al-Quran terutamanya yang mengandungi tafsir atau terjemahan yang diiktiraf, agar isi kandungan Al-Quran dapat difahami dan diamalkan. Yang paling penting, sebagai umat Islam yang sejati, berusahalah mempamerkan akhlak Al-Quran sepertimana yang telah ditunjukkan oleh junjungan besar Nabi kita Muhammad ﷺ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI,

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini:

1. Al-Quran adalah mukjizat agung yang diturunkan Allah khusus kepada Nabi Muhammad ﷺ yang kekal asli sejak dulu dan selamanya.
2. Al-Quran adalah panduan yang lengkap untuk seluruh umat manusia dan membawa rahmat kepada seluruh alam.
3. Umat Islam perlu memahami Al-Quran untuk memperolehi manfaat yang sepenuhnya.
4. Umat Islam perlu menyebarkan mesej-mesej yang terdapat di dalam Al-Quran kepada orang-orang lain termasuklah kepada mereka yang belum Islam.



Untuk akhirnya, marilah kita merenung firman Allah dalam surah Al Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan sungguh, kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil pelajaran?”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا بولن جون

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat



menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥﴾